

# KELANTAN DI BAWAH PENTADBIRAN KUASA DARURAT 1977

---

Md. Rozimi bin Mohd Nasir

## Abstract

*The emergency in Kelantan in 1977 was the last emergency in the country. Article 150 in Federal Constitution gave authority to the Yang Dipertuan Agong to take action after giving justification. Internal political crisis in PAS arose after a group of 20 passed vote of no confidence against Datuk Mohamad Nasir, who was Kelantan Menteri Besar in 1977. As a result, people went out to the streets to demonstrate. Before the announcement of an emergency in Kelantan on 8 November 1977, the federal government under the premiership of Datuk Hussein Onn had several discussions with Datuk Mohd. Asri Muda the PAS President. Nevertheless, the attempt failed. Then an emergency was announced to prevent further serious trouble. As a result, Kelantan state administration was put under the state director for 96 days, in order to improve internal security. In the aftermath of the emergency, voters in Kelantan rejected PAS during the state election on 11 Mac 1978.*

## Pengenalan

Darurat terakhir dalam siri lima darurat yang diisytiharkan di Malaysia ialah darurat yang hanya terbatas kepada negeri Kelantan sahaja ekoran krisis yang ditimbulkan oleh 'Kumpulan 20' terhadap kepimpinan Datuk Muhamad Nasir. Artikel ini cuba mengupas pengisian yang dijalankan oleh Kerajaan Pusat yang bukan sahaja bertanggungjawab terhadap aspek keselamatan rakyat semata-mata malah turut merencanakan agenda pembangunan untuk melangsungkan kehidupan rakyat yang jauh tertinggal dalam arus pemodenan jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Pantai Barat Semenanjung Malaysia.

Selain itu, artikel ini akan mengupas secara sepintas lalu pelaksanaan projek pembangunan di bawah Pengarah Kerajaan Negeri, reaksi masyarakat terhadap perisytiharan darurat, tahap keselamatan dan suasana politik semasa darurat serta tindakan PAS keluar daripada Barisan Nasional bagi menzahirkan tindakan perisytiharan darurat ini diambil oleh Kerajaan Pusat. Seterusnya artikel ini akan menjawab persoalan mengapa dan apakah tujuan sebenar Undang-Undang Kuasa Darurat Kelantan 1977 yang berjalan selama 96 hari diperkenalkan sama ada bermotifkan politik atau untuk mengembali serta memulihkan tahap keselamatan dan meneruskan agenda pembangunan untuk kesejahteraan kehidupan rakyat.

### **Penguatkuasaan Undang-Undang Kuasa Darurat Kelantan 1977**

Krisis dalaman PAS Kelantan mula berputik selepas timbulnya isu perlantikan jawatan Menteri Besar apabila Kerajaan Campuran dibentuk pada 24 Ogos 1974. Perlantikan Datuk Mohamad Nasir sebagai Menteri Besar tidak mendapat sokongan sepenuhnya daripada pimpinan dan wakil rakyat PAS. Ini kerana beliau didakwa lebih memihak kepada UMNO dan bersekongkol dengan Tengku Razaliagh Hamzah, Menteri Kewangan dalam semua urusan pentadbiran malah beliau juga dituduh sebagai 'boneka UMNO'. Undi tidak percaya terhadap kepimpinannya dilakukan oleh 20 orang wakil rakyat PAS dalam sidang Dewan Undangan Negeri pada 15 Oktober 1977.<sup>2</sup> Ekoran itu rakyat Kelantan bangkit mengadakan demonstrasi di seluruh daerah, demonstrasi yang terbesar berlaku di Kota Bharu pada 19 Oktober 1977 melibatkan hampir 80,000 orang mendesak supaya DUN Kelantan dibubarkan.<sup>3</sup>

Pada 8 November 1977, Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, Tuanku Yahya Petra Ibni Almarhum Sultan Ibrahim telah mengisytiharkan Kelantan diletakkan di bawah keadaan darurat. Perisytiharan ini disiarkan melalui Warta Kerajaan Malaysia dan telah dibentangkan di parlimen mengikut kehendak perkara 150(3) Perlembagaan Persekutuan pada hari yang sama.<sup>4</sup> Pengisytiharan ini berbunyi:

BAHAWASANYA BETA adalah berpuashati bahawa suatu darurat besar sedang berlaku yang mengancam keselamatan dan kehidupan ekonomi bagi sebahagian Persekutuan iaitu Negeri Kelantan.

DAN BAHAWASANYA Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan menguntukkan bahawa dalam keadaan yang tersebut BETA boleh mengeluarkan Perisytiharan Darurat:

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, BETA Tuanku Yahya Petra Ibni Almarhum Sultan Ibrahim dengan kurnia Allah bagi Negeri-Negeri dan Wilayah-Wilayah Malaysia. Yang Dipertuan Agong pada menjalankan kuasa-kuasa yang tersebut adalah dengan ini mengisytiharkan bahawa

Perisytiharan ini hendaklah meliputi seluruh wilayah-wilayah Negeri Kelantan:

DAN BETA adalah dengan ini mengakui bahawa Perisytiharan ini tidaklah dengan apa-apa cara mengurangkan kuasa tetapi hendaklah menjadi tambahan kepada Perisytiharan Darurat yang dikeluarkan oleh BETA pada 15 Mei 1969 yang disiarkan dalam Warta No. P.U (A) 145 pada tarikh yang sama.<sup>5</sup>

Satu Rang Undang-Undang Kuasa-Kuasa Darurat Kelantan 1977 telah dibentang oleh Datuk Hussein Onn, Perdana Menteri Malaysia di Dewan Rakyat untuk melantik seorang Pengarah Kerajaan Negeri Kelantan. Ia bertujuan untuk menjalankan urusan pentadbiran negeri kerana semua kuasa Menteri Besar dan barisan exconya telah digantung sepanjang tempoh berlangsungnya darurat ini.

Di bawah undang-undang ini, Pengarah Kerajaan yang dilantik berkuasa untuk menjalankan pentadbiran negeri meliputi tugas mengarah, mengawal, dan menjaga hal ehwal pentadbiran negeri. Semua kuasa Menteri Besar dan exco-exconya diambil alih olehnya. Beliau akan bertanggungjawab terus kepada Perdana Menteri serta diwajibkan untuk mematuhi dan menguatkuasakan serta merta sebarang arahan yang dikeluarkan oleh Perdana Menteri. Selain itu undang-undang ini juga memberi peruntukan kepada Pengarah Kerajaan untuk menubuhkan Majlis Penasihat Negeri yang terdiri daripada sembilan orang anggota iaitu Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-Undang Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, Pengarah Tanah dan Galian Negeri, Ketua Polis Negeri, dan mana-mana orang lain, tidak lebih daripada empat yang dilantik oleh Perdana Menteri.

Bagi mengekalkan kuasa Sultan atau Raja yang memerintah Kelantan, undang-undang ini memberi kuasa kepada baginda untuk meminta atau mengarahkan Pengarah Kerajaan memberi taklimat kepada baginda apa-apa maklumat berkenaan dengan Kerajaan Negeri yang boleh didapati daripada Pengarah Kerajaan.<sup>6</sup> Secara khusus, undang-undang ini tidak memansuhkan jawatan Menteri Besar dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan atau Exconya. Walau bagaimanapun kuasa Menteri Besar dan Exconya adalah terserah kepada Pengarah Kerajaan Negeri selama mana undang-undang ini berkuatkuasa di negeri Kelantan.

Semasa Perdana Menteri membentang rang Undang-Undang Kuasa Darurat Kelantan 1977 untuk bacaan kali pertama pada 8 November 1977 jam 3.15 petang, kesemua enam orang yang terdiri daripada Menteri, Timbalan Menteri, dan Setiausaha Parlimen PAS tidak hadir kerana membantah tindakan kerajaan pusat mengisytiharkan undang-undang ini di negeri Kelantan.<sup>7</sup> Bagaimanapun tidak semua mereka membantah terus pelaksanaan undang-undang ini apabila Hassan Adli, Menteri Kerajaan Tempatan Dan Wilayah Persekutuan mengambil sikap menentang arus parti dan memberi sokongan

padu kepada keputusan yang telah diambil oleh Perdana Menteri di bawah pakatan Barisan Nasional.

Manakala lima pemimpin yang lain dengan diketuai oleh Datuk Mohd. Asri sendiri telah mengambil tindakan meletakkan jawatan masing-masing dengan serta merta setelah menyerahkan surat perletakan jawatan mereka kepada Perdana Menteri. Datuk Mohd. Asri dalam kenyataan medianya menyatakan langkah ini bukannya suatu tindakan yang drastik, tetapi suatu langkah yang paling wajar. Beliau turut menegaskan tindakan ini tidak bererti bahawa PAS telah keluar daripada Barisan Nasional, sebaliknya masih lagi berada dalam keluarga Barisan Nasional.<sup>8</sup> Sebarang tindakan yang akan diambil oleh Barisan Nasional, PAS telah bersedia menerimanya. Beliau menambah, bukan mudah untuk Barisan Nasional memecat PAS daripada pakatan mereka kerana Pengerusi Barisan Nasional mesti mendapat persetujuan dari semua pemimpin parti yang bergabung.<sup>9</sup>

Datuk Mohd. Asri juga menegaskan bahawa Undang-Undang Kuasa Darurat 1977 tidak perlu dilaksanakan di Kelantan kerana keadaan keselamatan kini terkawal apabila pihak polis telah mengenakan sekatan kepada rakyat melalui Perintah Berkurung di kawasan Kota Bharu dan Kubang Kerian. Beliau menambah situasi keselamatan di Kelantan dimanipulasi oleh pihak-pihak tertentu untuk memenuhi agenda politik mereka.<sup>10</sup>

Berikutan perletakan jawatan kelima-lima pemimpin PAS daripada jawatan Menteri, Timbalan Menteri, dan Setiausaha Parlimen, susunan tempat duduk anggota Dewan Rakyat turut diubah dengan serta merta. Kerusi Datuk Mohd. Asri Muda masih lagi ditempatkan dalam kumpulan penyokong kerajaan tetapi dipindahkan ke sebelah tempat duduk setiausaha parlimen yang paling akhir. Bagaimanapun tempat duduk Hassan Adli, Menteri Kerajaan Tempatan Dan Wilayah Persekutuan kekal di tempat asal kerana beliau tidak melepaskan jawatannya.<sup>11</sup>

Kenyataan Yang Dipertua Agung PAS ini menzahirkan bahawa PAS masih lagi mahu bersama dengan Barisan Nasional dan mengharapkan pemecatan PAS daripada Barisan Nasional tidak akan berlaku. Bantahan ini dilakukan kerana PAS merasakan kuasa pemerintahan PAS di negeri Kelantan akan hilang bila Kerajaan Pusat melantik seorang pegawai tadbir untuk mengambil alih tugas Menteri Besar dan barisan exconya di bawah Undang-Undang Kuasa Darurat (Kelantan) 1977.<sup>12</sup>

### **Reaksi Masyarakat terhadap Perisytiharan Darurat**

Beberapa orang individu yang terlibat secara langsung dengan beberapa peristiwa seperti demonstrasi di sekitar pekan Kota Bharu sebelum Kelantan diletakkan di bawah undang-undang darurat menyatakan semangat yang dipamerkan oleh rakyat Kelantan pada waktu itu sangat luar biasa. Mereka bangkit menyokong Datuk Mohamad Nasir yang cuba dijatuhkan oleh kumpulan 20 di sidang DUN.<sup>13</sup> Semasa Kelantan di bawah pentadbiran Pengarah Keselamatan Negeri, kehidupan masyarakat berjalan seperti biasa, cuma masyarakat yang

tinggal di sekitar bandar Kota Bharu dan Kubang Kerian sahaja tidak berani untuk keluar rumah di waktu malam ekoran kawalan ketat daripada pihak polis. Manakala bagi masyarakat yang tinggal di luar dari kawasan yang dikenakan perintah berkurung, kebebasan mereka untuk bergerak adalah tidak terjejas.

Walaupun ceramah umum oleh parti-parti politik tidak dibenarkan sepanjang penguatkuasaan Undang-Undang Kuasa Darurat Kelantan 1977, namun topik perbualan masyarakat di kedai-kedai kopi, surau atau masjid tertumpu kepada rasa simpati mereka dengan perjuangan Datuk Mohamad Nasir untuk membangunkan Kelantan tetapi menerima tekanan daripada parti sendiri. Suara yang dipamerkan oleh rakyat melalui demonstrasi besar-besaran gagal ditafsirkan dengan tepat oleh pemimpin-pemimpin PAS. Mereka seolah-olah berada di kedudukan selesa dan menafikan suara rakyat telah berubah dan bakal menghukum mereka sekiranya ada pilihan raya. Pada masa ini, hanya ahli PAS yang benar-benar setia dengan parti sahaja tidak menzahirkan tentangan, sebaliknya ramai antara mereka telah bertukar arah menyokong Datuk Mohamad Nasir dan bukan lagi memberi sokongan kepada Datuk Mohd. Asri Muda.

### **Pentadbiran Kelantan semasa Darurat**

Selepas membuat kunjungan mengadap Pemangku Raja Kelantan, Tengku Ismail Petra Ibnu Sultan Yahya Petra pada 11 November 1977, Datuk Hussein Onn telah membuat satu pengumuman tentang perlantikan seorang Pengarah Kerajaan Negeri Kelantan. Pemilihan ini dilakukan selepas beberapa nama dikemukakan kepada beliau. Beliau cuba memastikan nama yang terpilih merupakan seorang pegawai yang berkaliber dan mampu menjalankan tugas yang diamanahkan bagi memulihkan keadaan keselamatan dan meneruskan kelangsungan pembangunan untuk kesejahteraan rakyat.<sup>14</sup>

Semasa mengadap Pemangku Raja Kelantan, rombongan Perdana Menteri diiringi bersama dengan beberapa orang pemimpin dan pegawai dari Kerajaan Pusat seperti Tan Sri Ghazali Shafie, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; Tengku Ahmad Rithauddeen, Menteri Luar Negeri; Datuk Mohamed Yaacob, Menteri Perusahaan Awam; Tengku Razaliagh Hamzah, Menteri Kewangan; Tan Sri Abdullah Salleh, Ketua Setiausaha Negara; Tan Sri Mohd. Hanif Omar, Ketua Polis Negara; dan Abdul Malik Abdul Aziz, Setiausaha Majlis Keselamatan Negara. Rombongan ini tiba di Kota Bharu pada jam 9.30 pagi dengan pesawat F28 Tentera Udara Diraja Malaysia dan terus mengadap Pemangku Raja Kelantan di Istana Mahkota, Kubang Kerian.<sup>15</sup>

Hashim Aman yang berumur 47 tahun merupakan Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan telah diumumkan sebagai pegawai yang akan dilantik untuk memikul tugas sebagai Pengarah Kerajaan Negeri Kelantan. Pemilihan ini berasaskan kepada pengalaman beliau yang lalu dan pernah berkhidmat sebagai Pengarah Tanah dan Galian Kelantan pada tahun 1963.<sup>16</sup> Perdana Menteri juga mengumumkan bahawa Datuk Mohamad Nasir kekal sebagai

Menteri Besar begitu juga dengan barisan exco yang dilantik sebelum ini kekal dengan jawatan masing-masing. Bagaimanapun kedudukan mereka adalah di bawah Pengarah Kerajaan Negeri Kelantan.

Datuk Mohamad Nasir berikrar akan memberi sokongan padu kepada Pengarah Kerajaan Negeri Kelantan dalam menjalankan sebarang urusan pentadbiran untuk membangunkan negeri. Selain itu, Datuk Hussein Onn turut menyeru pegawai-pegawai kerajaan memberi kerjasama sepenuhnya kepada Hashim Aman dalam menjalankan tanggungjawabnya demi untuk kepentingan pembangunan Kelantan di masa akan datang. Beliau berjanji Kerajaan Pusat akan memberi bantuan dalam apa jua masalah yang dihadapi oleh rakyat Kelantan termasuk menambah bilangan pegawai dan kakitangan untuk melicinkan lagi urusan pentadbiran negeri. Rakyat juga diingatkan supaya sentiasa menyokong dan mematuhi dasar-dasar yang akan dilaksanakan di Kelantan bagi membentuk sebuah negeri yang aman, makmur dan maju setanding dengan negeri-negeri lain khususnya negeri-negeri di pantai barat Semenanjung Malaysia. Pembangunan yang telah dirancang di negeri Kelantan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga (RMK3) akan diteruskan sepertimana yang telah dijadualkan.<sup>17</sup>

Berkaitan dengan Perintah Berkurung yang dikenakan di kawasan Kota Bharu dan Kubang Kerian, Perdana Menteri menegaskan bahawa kerajaan tiada pilihan demi untuk memastikan keadaan keselamatan benar-benar terjamin bukannya semata-mata untuk menyusahkan rakyat. Sesuatu yang lebih buruk akan berlaku sekiranya kerajaan tidak bertindak tegas kerana elemen-elemen subversif seperti Komunis yang berpangkalan di sempadan Malaysia-Thailand akan mengambil kesempatan. Perintah ini akan ditarik balik apabila pihak polis dapat mengawal keadaan dan mengesahkan situasi di kawasan ini sudah pulih seperti sebelumnya.<sup>18</sup>

Sementara itu, keanggotaan bantuan polis dari kontinjen luar akan dikekalkan dan jumlahnya akan dikurangkan mengikut tahap keselamatan semasa.<sup>19</sup> Majoriti bantuan keanggotaan polis dari kontinjen luar dipilih daripada pegawai dan anggota yang berasal dari Kelantan. Contohnya penglibatan Datuk Zaman Khan yang ketika itu bertugas sebagai Ketua Siasatan Jenayah Negeri Selangor yang berganding bahu dengan Ketua Polis Kelantan untuk mengawal demonstrasi dan beberapa rusuhan di sekitar Kota Bharu.<sup>20</sup> Penugasan pegawai dan anggota polis yang berasal dari negeri ini dilihat sebagai satu perancangan tugas yang kena pada tempatnya kerana mereka cukup faham dengan budaya masyarakat setempat selain mempunyai saudara mara atau kenalan yang turut terbabit dalam krisis politik ini.

Hashim Aman secara rasminya menerima surat perlantikan daripada Perdana Menteri pada 14 November 1977 dan memulakan tugas di Kota Bharu pada 17 November 1977. Tugas utama yang cuba diselesaikan ialah untuk mengembalikan tahap keselamatan seperti sebelum berlakunya darurat bagi memastikan supaya semua rakyat berada dalam keadaan selamat, aman dan sejahtera. Langkah seterusnya ialah memastikan perancangan pembangunan

dapat dijalankan dengan lancar sepertimana yang dirancangkan sebelum ini supaya negeri Kelantan dapat membangun dan tidak jauh tertinggal jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain.<sup>21</sup>

Selain itu, Hashim Aman juga perlu menguruskan dua Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan iaitu Enakmen Perbekalan (1976) Tambahan Keempat 1977 dan Enakmen Perbekalan (1977) Tambahan Pertama 1977 yang melibatkan permohonan tambahan perbelanjaan sejumlah RM 3.8 juta untuk perkhidmatan awam dan memastikan semua kakitangan kerajaan negeri tidak berdepan dengan masalah pembayaran gaji bulanan. Kedua-dua rang undang-undang ini sepatutnya dibentangkan semasa sidang Dewan Undangan Negeri Kelantan pada 15 Oktober 1977 tetapi disebabkan berlaku usul undi tidak percaya kepada Menteri Besar maka usul ini tidak dibahaskan.<sup>22</sup>

Selepas Akta Kuasa-Kuasa Darurat Kelantan 1977 diluluskan di parlimen pada 8 November 1977, kuasa Dewan Undangan Negeri Kelantan telah digantung selama mana undang-undang ini berjalan. Bagi memastikan semua perancangan pembangunan dapat dilaksanakan dengan sempurna, Hashim Aman turut terlibat dengan empat lagi rang undang-undang untuk menyuntik dana kepada Negeri Kelantan iaitu Rang Undang-Undang Pinjaman (Pembinaan Dan Pembangunan Projek-Projek Perdagangan dan Perindustrian) 1977, Rang Undang-Undang Pinjaman (Pembangunan Estet Awam) (Pindaan) 1977, Rang Undang-Undang Pinjaman (No.1) 1959 (Pindaan) 1977 dan Rang Undang-Undang (No.2) 1972 (Pindaan) 1977.<sup>23</sup>

Selepas mengadap Pemangku Raja Kelantan pada pagi 17 November 1977, Hashim Aman dalam ikrarnya akan segera memulihkan keamanan di Kelantan dan memastikan semua projek pembangunan berjalan lancar. Inilah dua amanat yang diberikan oleh Perdana Menteri kepada beliau sebelum beliau memulakan tugas di Kota Bharu. Selain itu, beliau meminta Kerajaan Pusat menghantar empat atau lima pegawai tadbir dengan segera untuk membantu melicinkan pentadbiran di Kelantan. Beliau juga menegaskan projek untuk membangunkan Wilayah Kelantan Selatan akan dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Beliau tidak akan mengubah sebarang rancangan yang telah dibuat malah akan memastikan projek-projek ini akan terlaksana dengan cepat dan sempurna.<sup>24</sup>

Dua taklimat disampaikan kepada Hashim Aman mengenai pembangunan dan keselamatan semasa beliau memulakan tugas pada 17 November 1977 di Kota Bharu, Kelantan. Taklimat mengenai pembangunan disampaikan oleh Datuk Nik Sulaiman Nik Daud, Setiausaha Kerajaan Negeri di Pejabat Setiausaha Kerajaan dan taklimat keselamatan oleh Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis I Tuan Mahmud Nasir, Ketua Polis Kelantan di Bilik Gerakan, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kelantan. Kedua-dua taklimat ini bertujuan untuk memberi gambaran awal kepada Hashim Aman berkaitan dengan tahap pembangunan negeri dan situasi terkini keadaan keselamatan di Kota Bharu serta bandar-bandar lain di Kelantan. Perjumpaan dengan ketua-ketua jabatan, ketua jajahan (pegawai daerah), pegawai-pegawai kanan dari agensi yang terlibat dengan rancangan

pembangunan turut diadakan bagi membolehkan Hashim Aman mendapat pelbagai maklumat untuk membuat perancangan bagi memulihkan negeri Kelantan dengan kadar segera.<sup>25</sup>

Setelah memperoleh input terkini, Hashim Aman mempengerusikan mesyuarat pertama beliau dengan anggota Majlis Penasihat Negeri yang ditubuhkan di bawah Akta Kuasa-Kuasa Darurat (Kelantan) 1977 pada 18 November 1977, antara perkara yang dibincangkan ialah hal-hal berkaitan dengan pentadbiran serta perkara-perkara yang perlu kepada tindakan segera termasuk merangka 'budget' yang diperlukan untuk meneruskan agenda pembangunan negeri.<sup>26</sup>

Manakala mesyuarat dengan Jawatankuasa Tindakan Negeri diadakan pada 21 November 1977 di Bilik Gerakan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Semasa mesyuarat ini, semua Ketua Jajahan diarahkan supaya menyediakan laporan terkini perkembangan pembangunan dan keselamatan di jajahan masing-masing. Langkah ini merupakan satu ingatan kepada semua Ketua Jajahan bahawa mereka perlu bersiap sedia untuk memikul cabaran dan amanah terhadap sebarang dasar yang perlu dilaksanakan di bawah pentadbir baru iaitu Pengarah Kerajaan Negeri.

Menyentuh mengenai masalah tanah, Hashim Aman menegaskan bahawa beliau akan mengkaji masalah tersebut secara menyeluruh terutama tanah yang terletak di sempadan Kelantan-Perak dan lain-lain tempat yang berpotensi untuk dimajukan bagi pembangunan rakyat.<sup>27</sup> Sementara itu, Ahmad Badri Mohd. Basir, Ketua Setiausaha kepada Pengarah Kerajaan Negeri menyatakan krisis politik yang melanda Kelantan tidak akan menjejaskan pelaksanaan projek pembangunan di Wilayah Kelantan Selatan, satu projek raksasa melibatkan pembangunan semula tanah seluas 2.6 juta ekar akan diteruskan kerana pembangunan kawasan ini merupakan nadi kepada perubahan sosial dan ekonomi kehidupan rakyat.<sup>28</sup>

Bagi melancarkan pentadbiran negeri, Hashim Aman telah menubuhkan Majlis Penasihat Negeri yang terdiri daripada sembilan orang anggota iaitu Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-Undang Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, Pengarah Tanah dan Galian Negeri, Ketua Polis Negeri, dan empat individu yang dilantik oleh Perdana Menteri sepertimana yang termaktub di dalam seksyen 9 (1), Akta 192 Akta Kuasa-Kuasa Darurat (Kelantan) 1977.<sup>29</sup> Seksyen 9 (1) berbunyi 'Dalam menjalankan tugasnya, Pengarah boleh, apabila jua difikirkannya perlu atau manfaat, meminta nasihat Majlis Penasihat Negeri yang mana hendaklah terdiri dari:

- (a) Setiausaha Kerajaan Negeri;
- (b) Penasihat Undang-Undang Negeri;
- (c) Pegawai Kewangan Negeri;

Selain mendapat bantuan daripada Majlis Penasihat Negeri, Hashim Aman turut menubuhkan sebuah sekretariat terdiri daripada enam anggota yang



berperanan sebagai Urusetia Kerajaan untuk membantu beliau meneruskan pelaksanaan projek jangka pendek dan jangka panjang yang telah dirancang di negeri ini. Urusetia ini juga berperanan mengumpul semua aduan atau apa-apa permasalahan yang dikemukakan oleh rakyat melalui pelbagai jabatan yang berkaitan. Langkah ini bertujuan untuk memastikan semua perkara yang dibangkitkan oleh rakyat diambil tindakan sewajarnya dengan cepat dan berkesan.<sup>30</sup> Tindakan ini membuktikan kesungguhan Kerajaan Negeri untuk berkhidmat kepada rakyat dan memulihkan negeri Kelantan daripada kemelut politik dengan lebih efisien. Jika dikaji daripada aspek penyaluran bantuan dan perancangan pembangunan, rakyat Kelantan seharusnya bersyukur bila Kerajaan Pusat menempatkan Pengarah Kerajaan Negeri yang dilihat lebih berperanan dan menjadi pemangkin kepada pembangunan negeri ini yang telah tertinggal.

### **Perlaksanaan Projek Pembangunan di bawah Pengarah Kerajaan Negeri**

Semasa Undang-Undang Kuasa Darurat (Kelantan) 1977 berkuatkuasa di negeri Kelantan, pelaksanaan projek pembangunan dijalankan sepertimana yang telah dirancang sebelum ini. Pembangunan ini dapat diteruskan kerana negeri Kelantan ditadbir oleh seorang Pengarah Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab kepada Perdana Menteri. Oleh yang demikian Kerajaan Pusat dapat menyalurkan bantuan secara terus kepada Kelantan tanpa melalui karenah birokrasi yang timbul daripada perbezaan aliran politik walaupun sebelum ini negeri Kelantan ditadbir oleh Kerajaan Campuran. Antara projek pembangunan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

#### **a. Tunggakan Gaji**

Semua kakitangan awam Kerajaan Kelantan memperolehi durian runtuh selepas Kerajaan Pusat meluluskan skim gaji baru melalui 'Skim Gaji Laporan Kabinet' di mana sejumlah RM 8.1 juta diperuntukkan melalui kelulusan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan 1977 yang diluluskan oleh Hashim Aman berdasarkan kuasa-kuasa yang ada kepada beliau sebagai Pengarah Kerajaan Negeri Kelantan.<sup>31</sup> Langkah ini merupakan satu langkah untuk menepati janji dan ikrar beliau untuk mengambil tindakan dan meneruskan agenda pembangunan negeri yang terencat akibat daripada berlakunya krisis kepimpinan semasa negeri Kelantan ditadbir sepenuhnya oleh Kerajaan Campuran PAS dan Barisan Nasional.

Beberapa orang pesara kakitangan Pejabat Agama dan Adat Istiadat Kelantan menyatakan kali pertama mereka mendapat tunggakan gaji ialah semasa negeri Kelantan di bawah pemerintahan Pengarah Kerajaan Negeri. Jumlah tunggakan yang diperolehi berasaskan kepada gaji pokok atau jawatan yang disandang oleh setiap pekerja. Walaupun jumlahnya tidak terlalu besar tetapi pembayaran tunggakan ini meyakinkan kakitangan kerajaan negeri terhadap

pentadbiran kerajaan yang dipimpin oleh Hashim Aman bukan sahaja bekerja keras untuk memulihkan keadaan keselamatan dan meneruskan pembangunan negeri, malah tidak melupakan hal-hal kebajikan kakitangan yang seolah-olah 'dilupakan' sebelum ini.<sup>32</sup>

### **b. Kelulusan Tanah**

Bagi memastikan pembangunan di sesuatu kawasan berjalan dengan lebih cepat, lancar, dan teratur. Pengarah Kerajaan Negeri telah memperkenalkan satu sistem baru di mana beliau memberi kebenaran kepada semua Ketua Jajahan di Negeri Kelantan untuk meluluskan Lesen Tumpang Sementara (TOL) terhadap sebarang permohonan penggunaan tanah sama ada untuk pertanian atau pembangunan oleh rakyat sekiranya permohonan tersebut tidak melebihi 70 ekar. Sebelum ini semua permohonan hendaklah dirujuk kepada kelulusan mesyuarat dan pertimbangan Exco. Tindakan ini diambil setelah beliau mendapati beribu-ribu permohonan daripada rakyat belum diproses dan tertunggak di Pejabat Jajahan seluruh Kelantan.<sup>33</sup>

Majlis Penasihat Kerajaan juga akan membuat kajian secara terperinci berkaitan dengan tebus guna tanah secara haram oleh rakyat di seluruh jajahan dan penempatan kawasan-kawasan setinggan yang tumbuh di sekitar bandar. Jika sekiranya tanah tersebut tidak terlibat dengan sebarang projek pembangunan besar kemungkinan rakyat yang terlibat akan dianugerahkan kelulusan TOL. Selain itu, Kerajaan Kelantan telah meluluskan 40 tapak tanah untuk pembinaan sekolah rendah dan menengah di seluruh Kelantan yang melibatkan peruntukan sejumlah RM 60 juta dari Kerajaan Pusat di bawah Rancangan Malaysia Ketiga (RMK3).<sup>34</sup>

### **c. Pelan Induk Gua Musang**

Kerajaan Kelantan telah merangka satu pelan induk bagi membangunkan pusat pentadbiran jajahan di Gua Musang yang baru dinaikkan taraf sebagai sebuah jajahan pada 1 September 1977. Antara projek yang terkandung dalam pelan itu ialah pembinaan beberapa buah sekolah rendah dan menengah. Ini bagi menambah sekolah yang hanya dua buah sahaja di jajahan ini serta menyalurkan bantuan air dan elektrik kepada semua penduduk jajahan ini yang masih lagi tidak sempurna dan jauh tertinggal jika dibandingkan dengan kemudahan yang ada di Kota Bharu. Lembaga Elektrik Negara telah mengenalpasti tapak untuk didirikan stesen jana kuasa bagi menggantikan kuasa elektrik yang dibekalkan secara swasta oleh sebuah syarikat di pekan ini. Kerajaan Pusat juga telah meluluskan peruntukan awal sebanyak RM 500,000 bagi mendirikan rumah-rumah pegawai disamping membaiki bangunan pejabat kerajaan di jajahan ini.<sup>35</sup>

Sejumlah RM 73,000 telah dibelanjakan untuk membesarkan bangunan pejabat sementara di jajahan ini bagi melicinkan urusan pentadbiran yang melibatkan sejumlah 12,500 orang penduduk.<sup>36</sup> Secara kebetulan jajahan ini

diwakili oleh YBM Tan Sri Tengku Razalieg Hamzah sebagai ahli parlimen yang bertindak sebagai arkitek kepada pembangunan di kawasan Wilayah Kelantan Selatan.<sup>37</sup>

#### d. Bank Pertanian

Pengarah Kerajaan Negeri telah mengatur kerjasama dengan Ang Poo Guan, Pengurus Bank Pertanian Negeri Kelantan dan mencapai persetujuan di mana Bank Pertanian membuka dan memperluaskan Cawangan Bank Bergerak ke seluruh jajahan di negeri ini. Kemudahan pinjaman akan dikeluarkan kepada mana-mana petani yang layak untuk membangunkan sektor pertanian meliputi penanaman padi, tembakau, sayur-sayuran atau dusun buah-buahan melalui Lembaga Pertubuhan Peladang dan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu. Begitu juga bantuan pinjaman kepada para nelayan untuk memiliki peralatan menangkap ikan atau urusan pembelian bot.<sup>38</sup>

Langkah ini memberi satu lagi cabang kepada para petani dan nelayan di negeri Kelantan untuk meningkatkan lagi pengeluaran pertanian dan menambahkan lagi hasil tangkapan ikan melalui penggunaan alatan pertanian dan perikanan yang lebih baik melalui skim pinjaman yang diperkenalkan oleh Bank Pertanian. Peluang yang ada seharusnya disahut oleh para petani dan nelayan untuk bekerja dengan lebih keras bagi meningkatkan hasil pendapatan seterusnya merubah taraf kehidupan keluarga dan masyarakat.

#### e. Lembaga Perbadanan Kota Bharu

Bagi mengembangkan lagi pembangunan di kawasan bandar Kota Bharu, Lembaga Perbadanan Kota Bharu seluas 4.4 batu persegi diperluaskan kepada 34 batu persegi. Pertambahan ini melibatkan kawasan kampung-kampung yang majoritinya dihuni oleh orang Melayu yang sebelum ini disifatkan sebagai kawasan pinggir bandar dan tidak mempunyai kemudahan infrastruktur yang baik dan sempurna. Penyediaan pelan pembangunan ini dibantu oleh pegawai-pegawai yang pakar dalam bidang ini daripada Unit Perancang Kerajaan Tempatan Wilayah Persekutuan, di mana unit ini bertanggungjawab terhadap pembangunan di sekitar Lembah Kelang termasuk Kuala Lumpur.

Yang Dipertua Lembaga Perbadanan Kota Bharu, Tengku Abdul Rahim bin Tengku Zainal Abidin menyatakan Kerajaan Pusat telah meluluskan RM 3 juta untuk memastikan semua perancangan yang tertulis dalam pelan pembangunan Kota Bharu dapat dilaksanakan dengan jayanya. Antara perkara yang dirangka ialah laporan kajian sosial masyarakat dan keperluan perkhidmatan bas mini seperti yang terdapat di Bandaraya Kuala Lumpur.<sup>39</sup>

Sementara itu, Arif bin Othman, Penolong Setiausaha Bahagian Kerajaan Tempatan, Lembaga Perbadanan Kota Bharu menyatakan banyak perubahan berlaku di bandar Kota Bharu dan jajahan-jajahan lain di Kelantan selepas negeri ini ditadbir oleh Pengarah Kerajaan Negeri. Walaupun pentadbiran ini hanya bersifat sementara tetapi berjaya merancang pembangunan yang tidak terfikir

oleh rakyat Kelantan sebelum ini. Sebagai contoh, perluasan kawasan Lembaga Perbadanan Kota Bharu telah mengubah taraf kehidupan masyarakatnya kepada sebuah kehidupan yang lebih moden dan sempurna.<sup>40</sup>

#### **f. Pemulihan Tanah**

Menyedari banyak tanah yang berpotensi untuk maju terbiar dan tidak diusahakan dengan sempurna oleh masyarakat, Hashim Aman telah mengarahkan supaya Urusetia Kerajaan Negeri membuat kajian secara menyeluruh bersama-sama dengan Ketua-Ketua Jajahan untuk memanfaatkan sumber ini secara maksimum. Sebagai contoh, sejumlah 314,000 ekar tanah terbiar di Jajahan Tanah Merah dan jumlah ini akan bertambah berkali ganda sekiranya dicampur dengan tanah terbiar di lain-lain jajahan.<sup>41</sup>

Jabatan Penerangan diarahkan supaya memainkan peranan yang aktif untuk memberi penjelasan kepada rakyat tentang dasar-dasar yang akan diperkenal dan dijalankan oleh kerajaan bagi memastikan pembangunan berterusan tercapai sepertimana yang telah digariskan. Rakyat hendaklah dilibatkan sama supaya mereka sama-sama merasakan kebertanggungjawaban terhadap sebarang projek yang akan dijalankan.

Dalam pada itu, Hashim Aman menyatakan sejumlah 16,713 permohonan untuk mendapatkan TOL di seluruh negeri telah diserahkan kepada Ketua Jajahan untuk kelulusan. Beliau juga mengingatkan semua Ketua Jajahan supaya menimbang permohonan secara adil dan memberi kelulusan tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak yang berkepentingan.<sup>42</sup>

#### **g. Wisma Peladang**

Sebagai usaha untuk membantu meningkatkan hasil pengeluaran tembakau di negeri Kelantan, Hashim Aman telah meluluskan bantuan sejumlah RM 127,000.00 untuk membina dua stesen pengawet di Jajahan Pasir Mas dan Jajahan Bachok. Stesen ini mempunyai 20 buah rumah pengawet bagi menampung jumlah pengeluaran tembakau selain daripada mempercepatkan aliran tunai kepada petani di seluruh negeri.<sup>43</sup>

Di samping itu, beliau juga telah bekerjasama dengan Mohamad Abdullah, Pengurus Besar Pertubuhan Peladang Kelantan untuk mencari dana bagi membina sebuah Wisma Peladang dan Bengkel Kenderaan Berat di Kota Bharu. Tindakan ini bertujuan untuk meningkatkan lagi taraf kehidupan petani di negeri Kelantan selain daripada persediaan awal pertubuhan ini untuk menyahut cabaran setelah memperoleh dana sejumlah RM 6.3 juta daripada Kerajaan Pusat bagi membangunkan tanah seluas 10,000 ekar di Ulu Kelantan dengan penanaman kelapa sawit.<sup>44</sup>

#### **h. Lawatan Mengejut**

Bagi memastikan pegawai dan kakitangan kerajaan menjalankan tugas dengan baik dan efisien, Hashim Aman seringkali membuat lawatan mengejut ke

pejabat-pejabat kerajaan sekitar Kota Bharu dan Pejabat Tanah Dan Jajahan di seluruh Kelantan. Beliau mengambil pendekatan ini kerana mahu melihat sendiri apa yang sebenarnya berlaku di peringkat bawah. Sebarang kelemahan yang ditemui sama ada melibatkan kelemahan kakitangan, sistem penyampaian atau kekurangan bantuan logistik terus diambil tindakan sewajarnya untuk membaiki keadaan supaya menjadi lebih baik, cekap dan sempurna.

Sebagai contoh lawatan mengejut beliau ke Pejabat Tanah Dan Jajahan Pasir Puteh pada 15 Disember 1977 mendapati kekurangan pegawai dan kakitangan menyebabkan banyak kerja menjadi tergendala kerana pegawai dan kakitangan terpaksa melakukan pelbagai kerja. Sebagai langkah pembaikan, beliau segera telah menambah bilangan pegawai dan kakitangan bagi menampung kekurangan tersebut.<sup>45</sup> Tindakan ini juga menyebabkan pegawai dan kakitangan kerajaan semua jabatan di seluruh jajahan sentiasa berwaspada dan menjalankan tugas masing-masing dengan baik agar mereka tidak dikenakan sebarang tindakan kerana melakukan kerja sambil lewa atau mencuri tulang.

Sementara itu, Pemangku Raja Kelantan Tengku Ismail Petra Ibnu Sultan Yahya Petra semasa bertitah dalam perasmian projek bekalan air di Kampung Lakota, Tanah Merah pada 30 Januari 1978 pula mengingatkan semua pegawai kerajaan di semua peringkat supaya menjalankan tanggungjawab dengan jujur dan amanah. Ini adalah untuk memastikan dasar yang dirancang oleh kerajaan dapat berjalan dengan sempurna dan taraf pembangunan negeri berubah dan seterusnya merubah kehidupan rakyat negeri ini kepada sebuah kehidupan yang lebih harmoni.<sup>46</sup>

Baginda telah mengarahkan Pengarah Kerajaan Negeri supaya mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pegawai kerajaan yang didapati menyeleweng atau menyalahgunakan kuasa untuk memenuhi kepentingan peribadi. Baginda juga menyeru rakyat supaya sentiasa bersedia dan merebut peluang terhadap perancangan pembangunan kerajaan khususnya bila melibatkan sektor pertanian dan bersama-sama kerajaan menyalurkan sebarang maklumat berkaitan dengan kegiatan anasir komunis di kawasan sempadan Kelantan-Perak atau sempadan Malaysia-Thailand.<sup>47</sup>

### **Tahap Keselamatan Semasa Darurat**

Perintah berkurung 24 jam di kawasan Lembaga Perbandaran Kota Bharu bermula pada 19 Oktober 1977 jam 3 petang dan kawasan Kubang Kerian bermula pada 22 Oktober 1977 jam 1.30 petang.<sup>48</sup> Bagaimanapun perintah berkurung ini telah dilonggarkan dari jam 5 pagi sehingga jam 12 malam mulai dari tarikh 25 November 1977. Panggung wayang di bandar Kota Bharu mula menayangkan filem di waktu malam untuk sesi tayangan jam 9 hingga 11 malam.<sup>49</sup> Kelonggaran tempoh perintah berkurung ini merupakan satu petanda bahawa keadaan keselamatan di kawasan Lembaga Perbandaran Kota Bharu dan kawasan Kubang Kerian semakin bertambah pulih walaupun belum sampai sebulan Kelantan ditadbir oleh Pengarah Kerajaan Negeri.

Penayangan wayang gambar di waktu malam di bandar Kota Bharu pula menzahirkan bahawa aktiviti dan kehidupan masyarakat di sini di waktu malam mula rancak dan masyarakat sudah mula berani untuk keluar berhibur seperti sebelumnya. Walau bagaimanapun seorang pesara pegawai polis yang ditemui menyatakan bahawa ramai pegawai dan anggota polis menghabiskan masa di kedai-kedai kopi ketika tamat waktu bekerja di malam hari. Di samping menjamu selera, mereka juga bertugas mencari maklumat dengan berbual-bual bersama masyarakat setempat.<sup>50</sup>

### Suasana Politik semasa Darurat

PAS terus membantah dan tidak menerima keputusan parlimen meluluskan Undang-Undang Kuasa Darurat Kelantan 1977. Ekoran itu, Jawatankuasa PAS Pusat yang dipengerusikan oleh Datuk Mohd. Asri Muda sebulat suara telah mengarahkan Datuk Nik Abdul Rahman Nik Mohamad, Speaker Dewan Undangan Negeri, Wan Ismail Wan Ibrahim, Timbalan Menteri Besar, dan barisan exconya seperti Ishak Lotfi, Salahuddin Abdullah, Abdullah Ahmad, Muhammad Noor Yusof dan Abdul Hamid Salleh supaya melepaskan jawatan masing-masing bermula 19 November 1977.<sup>51</sup>

Selain itu, Jawatankuasa PAS Pusat juga tidak membenarkan mana-mana ADUN PAS menerima sebarang perlantikan terhadap apa-apa jawatan di bawah Pengarah Kerajaan Negeri Kelantan. Seluruh ahli parti juga tidak dibenarkan menerima jawatan dalam Majlis Penasihat Pengarah Kerajaan Negeri. Sekiranya ada mana-mana pemimpin dan ahli didapati melanggar keputusan ini dengan sendiri tersingkir daripada keahlian PAS.<sup>52</sup>

Tindakan PAS tidak akan bekerjasama dengan Pengarah Kerajaan Negeri sememangnya telah diduga dan tindakan mereka melepaskan jawatan tidak memberi apa-apa kesan kepada pentadbiran kerajaan di bawah Hashim Aman.<sup>53</sup> Tindakan yang diambil oleh PAS sememangnya mengeruhkan lagi situasi politik yang cuba dipulihkan oleh Kerajaan Pusat. Pertikaian antara pemimpin dalam parti seharusnya diketepikan sementara dan agenda untuk menyatu padukan rakyat menjadi agenda utama.

Dalam pada itu, Datuk Mohd. Asri Muda cuba bersandiwara dengan menyatakan bahawa PAS akan kembali kepada perjuangan 1959 bagi mempertahankan identiti sebagai sebuah parti Islam di Malaysia. Beliau meminta semua pemimpin dan ahli PAS supaya sentiasa bersiap sedia untuk menyahut seruan dan meneruskan perjuangan PAS. Dalam perjumpaan beliau dengan Jawatankuasa PAS Kelantan pada 18 November 1977, beliau menerangkan keputusan yang telah diambil oleh Jawatankuasa PAS Pusat berkaitan dengan kedudukan Exco PAS Kelantan.<sup>54</sup>

Seiring dengan perletakan jawatan menteri, timbalan menteri, dan setiausaha parlimen di peringkat pusat, beliau menegaskan bahawa pemimpin PAS di peringkat negeri perlu mengambil tindakan sama iaitu meletakkan jawatan exco dan tidak menerima sebarang jawatan yang dilantik oleh Pengarah Kerajaan

Negeri. Bagaimanapun perletakan jawatan ini tidak melibatkan perletakan jawatan sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri.<sup>55</sup>

Datuk Mohd. Asri juga memberi ingatan kepada semua pemimpin dan ahli PAS supaya berwaspada dengan kempen pembangunan yang cuba dimainkan oleh pemimpin kerajaan khususnya pemimpin yang mempunyai jawatan di peringkat pusat. Perubahan pembangunan akan berlaku secara mendadak di serata tempat di negeri ini kesan daripada penyaluran peruntukan yang berganda melalui pelbagai kementerian dan jabatan. Semua pemimpin dan ahli parti diminta supaya percaya dengan perjuangan PAS dan tidak lari daripada perjuangan ini.<sup>56</sup> Ingatan seperti ini diberikan lebih awal kerana dikhuatiri pemimpin serta ahli-ahli PAS akan berubah arah dengan memberi sokongan kepada Pengarah Kerajaan Negeri yang dilantik oleh Perdana Menteri. Sekiranya perkara ini berlaku sudah pasti pengaruh PAS akan terhakis dan peluang untuk memerintah semula negeri ini akan melalui jalan yang sukar.

Datuk Seri Dr Mahathir sekali lagi menegaskan bahawa krisis politik yang berlaku di negeri Kelantan hendaklah diserahkan kepada rakyat Kelantan sendiri untuk membuat penilaian yang lebih adil. Beliau menyatakan hubungan antara UMNO dan PAS memerlukan kerjasama dan persefahaman daripada kedua-dua belah pihak. Beliau lebih suka sekiranya PAS terus kekal bersama UMNO dan Barisan Nasional demi untuk perpaduan orang Melayu khususnya tetapi Barisan Nasional mempunyai peraturan yang mesti dipatuhi oleh semua parti-parti komponen. Mana-mana parti yang melakukan sebarang perkara yang bertentangan dengan peraturan yang telah dipersetujui tidak akan terlepas dari dikenakan tindakan yang setimpal.<sup>57</sup>

Mengenai dakwaan sesetengah pihak yang menyatakan UMNO cuba campurtangan dalam krisis politik PAS di Kelantan, Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan bahawa UMNO tidak pernah campurtangan dalam apa-apa urusan dalaman sesebuah parti komponen, begitu juga dengan masalah yang dihadapi oleh PAS. Krisis yang berlaku dalam PAS adalah urusan antara sesama pemimpin PAS.<sup>58</sup> Krisis ini melibatkan kepentingan negeri dan rakyat seluruhnya. UMNO sebagai parti yang sama-sama bertanggungjawab di negeri ini serta mempunyai wakil exconya berhak bersuara dan mengeluarkan pendapat untuk kepentingan rakyat yang mereka wakili.

Tengku Razaliagh Hamzah juga menyatakan pendapat yang sama, demi perpaduan bangsa Melayu beliau mahukan UMNO dan PAS bersatu dalam satu pakatan tetapi kedua-dua pihak mesti saling mematuhi peraturan yang telah ditetapkan bukannya hanya menerima mana-mana peraturan yang menguntungkan mereka sahaja dan menolak sebarang peraturan yang merugikan mereka. Keuntungan dan kebaikan semua pihak hendaklah diutamakan bukannya melihat kepada keuntungan yang akan dinikmati oleh segelintir individu khususnya pemimpin parti. Asas pada rundingan yang dilakukan oleh Tun Abdul Razak, bekas Perdana Menteri semasa menarik PAS menyertai kerajaan campuran merupakan satu contoh rundingan yang memberi manfaat kepada semua.<sup>59</sup>

### **Tindakan PAS Keluar daripada Barisan Nasional**

Datuk Hussien Onn menegaskan bahawa Jawatankuasa Tertinggi Barisan Nasional dalam mesyuaratnya pada 13 Disember 1977 memberi peluang kepada PAS supaya mengambil tindakan menyingkirkan mana-mana ahli parlimennya yang menentang perbahasan rang undang-undang kuasa darurat Kelantan sebelum 17 Disember 1977. Sekiranya PAS gagal untuk mengambil tindakan tersebut, semua pemimpin parti-parti komponen Barisan Nasional telah bersetuju untuk menyingkirkan PAS dari pakatan mereka.<sup>60</sup>

Walau bagaimanapun, Jawatankuasa PAS Pusat mengambil sikap awal dengan mengisytiharkan bahawa PAS telah keluar daripada pakatan Barisan Nasional pada 14 Disember 1977 dan mengarahkan semua exconya berpindah kerusi bersama-sama ADUN pembangkang sebelum tempoh yang diberikan oleh Barisan Nasional pada 17 Disember 1977.<sup>61</sup> Tindakan ini membuktikan bahawa PAS berada di dalam keadaan tersepit, sekiranya patuh kepada arahan Jawatankuasa Barisan Nasional, maka semua ahli parlimen yang menentang rang undang-undang kuasa darurat akan disingkirkan sedangkan mereka adalah terdiri daripada pemimpin tertinggi parti.<sup>62</sup>

### **Kesimpulan**

Tindakan Kerajaan Pusat melaksanakan Undang-Undang Kuasa Darurat Kelantan 1977 merupakan suatu tindakan tegas setelah siri-siri rundingan antara pemimpin Kerajaan Pusat yang bertanggungjawab terhadap keselamatan negara dengan pucuk pimpinan PAS gagal menemui kata sepakat. Adakah Kerajaan Pusat berlaku adil sekiranya membiarkan krisis politik di Kelantan berlarutan dan melihat demonstrasi serta rusuhan menjadi lebih ganas? Keselamatan, keamanan dan kesejahteraan rakyat dan negara merupakan suatu perkara yang tiada nilai harganya.

Jelas PAS tidak sanggup untuk menerima keputusan yang menuntut pemimpinnya melepaskan kedudukan bagi membolehkan parti diterajui oleh pemimpin yang sekata dengan pucuk pimpinan Barisan Nasional. Sebagai contoh, mereka gagal mematuhi saranan Jawatankuasa Tertinggi Barisan Nasional yang memutuskan mana-mana ahli parlimen PAS yang menentang perbahasan rang Undang-Undang Kuasa Darurat Kelantan 1977 diambil tindakan. Tindakan PAS mengisytiharkan keluar daripada pakatan Barisan Nasional pada 14 Disember 1977 membuktikan bahawa PAS tidak disingkirkan daripada Barisan Nasional sebaliknya bertindak keluar daripada pakatan Barisan Nasional untuk menyelamatkan kedudukan pemimpin mereka dari dikenakan sebarang tindakan oleh Jawatankuasa Tertinggi Barisan Nasional.

Penguatkuasaan Undang-Undang Kuasa Darurat Kelantan 1977 berjaya memelihara tahap keselamatan dan memulihkan pentadbiran negeri ini. Perkara ini terbukti bila pihak keselamatan melonggarkan Perintah Berkurung di Kota Bharu dan Kubang Kerian dari jam 5.00 pagi ke jam 12.00 malam pada 25 November 1977 yang sebelumnya dikuatkuasakan sepanjang tempoh 24 jam.



Kelonggaran penguatkuasaan ini memberi ruang kepada masyarakat untuk meneruskan kehidupan harian seperti menjalankan perniagaan atau keluar bekerja bagi pemandu teksi dan pengayuh beca.

Begitu juga dengan urusan pentadbiran yang tergendala ekoran jawatan Menteri Besar yang disandang oleh Datuk Mohamad Nasir telah dilucutkan melalui undi tidak percaya dalam sidang Dewan Undangan Negeri. Perlantikan Hashim Aman sebagai Pengarah Kerajaan Negeri yang berperanan menjalankan pentadbiran negeri meliputi tugas mengarah, mengawal, dan menjaga hal ehwal pentadbiran negeri di mana semua kuasa-kuasa Menteri Besar dan *exco*-*exconya* diambil alih olehnya berjaya memulihkan semula semua urusan pentadbiran yang tergendala. Seperkara yang patut disyukuri oleh rakyat Kelantan ialah keikhlasan Kerajaan Pusat meneruskan agenda pembangunan walaupun negeri ini ditadbir di bawah Undang-Undang Kuasa Darurat. Pelbagai pembangunan dicurahkan seperti pembukaan kawasan baru melalui Pembangunan Wilayah Selatan bukan sahaja menyediakan penempatan baru malah memberi peluang pekerjaan kepada masyarakat Kelantan yang sebelum ini berhijrah ke negeri lain. Pembinaan kemudahan infrastruktur seperti jalan raya, bekalan elektrik dan air, sekolah, hospital, balai polis dan sebagainya telah meningkatkan kehidupan rakyat setaraf dengan negeri-negeri di Pantai Barat Semenanjung Malaysia.

Kenapa dan apakah tujuan sebenar Undang-Undang Kuasa Darurat Kelantan 1977 diperkenalkan telah terjawab. Hasrat Kerajaan Pusat untuk mengembali serta memulihkan tahap keselamatan dan meneruskan agenda pembangunan di Kelantan demi untuk kesejahteraan rakyat sudah terbukti. Dakwaan sesetengah pihak yang menyatakan perisytiharan ini adalah satu sandiwara politik merupakan satu dakwaan dari pihak yang kecewa dan tidak mahu menerima hakikat bahawa Kerajaan Pusat bertanggungjawab terhadap keselamatan dan pembangunan negara.

## NOTA

- <sup>1</sup> Kumpulan yang terdiri dari 20 orang wakil rakyat PAS yang mengemukakan usul undi tidak percaya kepada kepimpinan Datuk Mohamad Nasir sebagai Menteri Besar Kelantan pada 15 Oktober 1977.
- <sup>2</sup> G.P. Means, *Malaysian Politics: The Second Generation*. Singapore: Oxford University Press, 1991, hlm. 62-63.
- <sup>3</sup> Abd. Halim Mahmood, *Gelora Politik Kelantan*. Kuala Lumpur: Tinta Enterprise, 1993, hlm. 59-60.
- <sup>4</sup> *Berita Harian*, 8 November 1977.
- <sup>5</sup> *Ibid.*
- <sup>6</sup> *The Star*, 11 November 1977.
- <sup>7</sup> *Berita Harian*, 9 November 1977. Mereka terdiri daripada Datuk Mohd. Asri Muda, Menteri Kemajuan Tanah Dan Wilayah; Hassan Adli, Menteri Kerajaan Tempatan Dan Wilayah Persekutuan; Datuk Abu Bakar Omar, Timbalan Menteri Kesihatan; Mustapha Ali, Timbalan Menteri Sains, Teknologi Dan Alam Sekitar;

- Zahari Awang, Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan Dan Kemajuan Perkampungan; dan Wahab Yunus, Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan.
- <sup>8</sup> Mengikut Fasal 14 Perlembagaan Barisan Nasional, Dewan Tertinggi berkuasa mengambil tindakan tatatertib, mengantung atau memecat mana-mana parti atau anggota parti yang bertindak bertentangan dengan kepentingan Barisan Nasional.
  - <sup>9</sup> *Berita Harian*, 8 November 1977.
  - <sup>10</sup> *The Star* 9, November 1977.
  - <sup>11</sup> *Berita Harian*, 8 November 1977.
  - <sup>12</sup> Temubual dengan Yang Berhormat Mulia, Tan Sri Tengku Razalieggh Hamzah pada 9 Januari 2009 jam 1115 pagi di Bilik Mesyuarat Dekan, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya dan pada 29 Januari 2009 jam 4.00 petang di No.31, Jalan Langgak Golf, Off Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur. Perkara ini turut disahkan oleh Zaid Fadzil, bekas ADUN Meranti, Pasir Mas yang mewakili Parti HAMIM selepas bersama-sama Datuk Mohd. Asri keluar dari PAS dalam temubual dengannya di Pekan Pasir Mas pada 6 Februari 2009 jam 10.00 pagi.
  - <sup>13</sup> Temubual dengan beberapa individu di Kelantan dan Kuala Lumpur seperti Tan Sri Tengku Razalieggh Hamzah, mantan Menteri Kewangan Malaysia, Tan Sri Hussein Ahmad, mantan Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Amin Abdullah, seorang pesara polis yang bertugas semasa tempoh darurat di Kelantan, Zaid Fadhil, bekas ADUN Meranti yang bersama Datuk Mohd Asri keluar PAS dan menubuhkan Hamim, Haji Mohd Nasir Yusoff, bekas AJK PPUMNO Bahagian Pasir Mas turut sama melakukan penerangan kepada ahli-ahli UMNO berkaitan dengan isu undi tidak percaya kepada Datuk Mohamad Nasir, Haji Mohamad Salleh, bertanggungjawab mengumpul tandatangan ketua-ketua kampung di Pasir Mas mendesak ADUN PAS supaya melepaskan jawatan dan turut menyertai demonstrasi di Kota Bharu, Hajah Wan Esah Wan Harun, isteri kepada Yusof Mat Akib calon Perikatan yang tewas pada pilihan raya 1959 kesan isu kafir mengkafir, Hajah Jah Abu Bakar, dipulau oleh masyarakat kampung kerana keluarganya menyokong Perikatan, Haji Yusoff Abdullah dan Haji Ishak Abdullah pesara kakitangan kerajaan negeri Kelantan yang menerima imbuhan ketika penyelarasan gaji baru di bawah Pengarah Kerajaan Negeri.
  - <sup>14</sup> *The Star*, 12 November 1977.
  - <sup>15</sup> Temubual dengan Yang Berhormat Mulia, Tan Sri Tengku Razalieggh Hamzah pada 29 Januari 2009 jam 4.00 petang di No.31, Jalan Langgak Golf, Off Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur.
  - <sup>16</sup> Buletin INTAN, Jil. 20 Bil. 1, 1996, hlm. 1. Hashim Aman, anak kelahiran Negeri Sembilan memulakan khidmat sebagai pegawai kerajaan pada tahun 1957 sebagai Pegawai Tadbir di Melaka, Pahang dan Perak. Pada tahun 1963 dilantik menjadi Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan, 1967 dilantik sebagai Pengarah Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam, kemudiannya pada 1972 dinaikkan pangkat ke jawatan Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Awam. Pada 1974 beliau dilantik sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan dan pada April 1977 dilantik sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan.
  - <sup>17</sup> *Berita Harian*, 12 November 1977.
  - <sup>18</sup> Temubual dengan YBhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad, mantan Perdana Menteri pada 24 April 2009 di Tingkat 5, Yayasan Al Bukhori, Kuala Lumpur.
  - <sup>19</sup> *The Star*, 12 November 1977.
  - <sup>20</sup> Temubual dengan Datuk Amin Abdullah pada 13 Februari 2009 jam 2.30 petang di Kelab Golf Titiwangsa, Kuala Lumpur. Beliau bersara pangkat SAC I. Ketika berpangkat Inspektor beliau turut terlibat dengan penugasan Cawangan Khas

semasa pelaksanaan Undang-Undang Kuasa Darurat (Kelantan) 1977 di Kota Bharu. Beliau juga merupakan seorang pegawai polis yang berasal dari negeri Kelantan.

- <sup>21</sup> *The Star*, 13 November 1977.
- <sup>22</sup> *The Star*, 16 November 1977.
- <sup>23</sup> *Berita Harian*, 16 November 1977.
- <sup>24</sup> *Berita Harian*, 18 November 1977.
- <sup>25</sup> *Berita Harian*, 17 November 1977.
- <sup>26</sup> *The Star*, 19 November 1977.
- <sup>27</sup> *Berita Harian*, 18 November 1977.
- <sup>28</sup> *Berita Harian*, 29 November 1977. (d) Pengarah Tanah dan Galian Negeri; (e) Ketua Pegawai Polis Negeri; dan (f) mana-mana orang lain, tidak lebih daripada empat yang dilantik oleh Perdana Menteri.
- <sup>29</sup> *Berita Harian*, 5 Disember 1977.
- <sup>30</sup> *Berita Harian*, 1 Disember 1977.
- <sup>31</sup> Temubual dengan Haji Yusoff Abdullah dan Haji Ishak Abdullah (imam tua), pada 5 Februari 2009 jam 5 petang di Masjid Kampung Teluk, Panji, Kota Bharu.
- <sup>32</sup> *Berita Harian*, 18 November 1977.
- <sup>33</sup> *The Star* dan *Berita Harian*, 18 November 1977.
- <sup>34</sup> *The Star*, 2 September 1977.
- <sup>35</sup> *Berita Harian*, 23 Januari 1978.
- <sup>36</sup> Ranjit Gill, *Razaliagh Cita-Cita dan Perjuangan*, Kuala Lumpur: Pelanduk Publications, 1987, hlm. 29.
- <sup>37</sup> *Berita Harian*, 21 Disember 1977.
- <sup>38</sup> *Berita Harian*, 26 Januari 1978.
- <sup>39</sup> *Ibid.*
- <sup>40</sup> *The Star*, 27 Januari 1978.
- <sup>41</sup> *Berita Harian*, 27 Januari 1978.
- <sup>42</sup> *The Star*, 28 Januari 1978.
- <sup>43</sup> *Berita Harian*, 28 Januari 1978.
- <sup>44</sup> *Berita Harian*, 20 Disember 1977.
- <sup>45</sup> *The Star*, 31 Januari 1978.
- <sup>46</sup> *Berita Harian*, 31 Januari 1978.
- <sup>47</sup> Lihat *Warta Kerajaan Negeri Kelantan*, Jil. 30 No.23 bertarikh 10 November 1977. Arahan No.373 dan 374. Arahan ini dikeluarkan oleh P/TPP Mohd. Shariff bin Omardin, Ketua Polis Daerah Kota Bharu berlandaskan kepada sek 52(1), Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960.
- <sup>48</sup> *Berita Harian*, 29 November 1977.
- <sup>49</sup> Temubual dengan Datuk Amin Abdullah pada 13 Februari 2009 jam 2.30 petang di Kelab Golf Titiwangsa, Kuala Lumpur.
- <sup>50</sup> Lotfi Ismail, *Berakhirnya Zaman Keagungan PAS*, Kuala Lumpur: Penerbitan Pena Sdn. Bhd., 1978, hlm. 120. Lihat juga Subki Latif, *Siapa Ganti Asri*, Kuala Lumpur: Pena Sdn. Bhd., 1977, hlm. 155.
- <sup>51</sup> *Berita Harian*, 17 November 1977.
- <sup>52</sup> *Berita Harian*, 18 November 1977.
- <sup>53</sup> Mohd. Asri Muda, *Memoir Politik Asri Meniti Arus*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1993, hlm. 108-111.
- <sup>54</sup> *Berita Harian*, 19 November 1977.
- <sup>55</sup> *The Star*, 19 November 1977.
- <sup>56</sup> *Berita Harian*, 19 November 1977.

- 
- <sup>58</sup> Penafian ini turut dinyatakan oleh Tan Sri Tengku Razaliegh Hamzah, beliau menyatakan Kerajaan Pusat cuma campurtangan untuk memulihkan keadaan keselamatan dan meneruskan agenda pembangunan yang telah dirancang di Kelantan supaya Kelantan tidak jauh tertinggal dengan negeri lain yang telah kehadapan.
- <sup>59</sup> Temubual dengan Yang Berhormat Mulia, Tan Sri Tengku Razaliegh Hamzah pada 29 Januari 2009 jam 4.00 petang di No.31, Jalan Langgak Golf, Off Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur.
- <sup>60</sup> *Berita Harian*, 10 dan 14 Disember 1977.
- <sup>61</sup> *Berita Harian*, 14 Disember 1977.
- <sup>62</sup> Kamarulzaman Yusof, *Perjuangan Penuh Cabaran*, Kota Bharu: Qamar Publishing, 1999, hlm. 76-77.